

05 JUN 2001

KTMB-KEMBOJA

KTMB TINJAU PELUANG PERNIAGAAN DI KEMBOJA

Oleh: Johnny Chan

KUALA LUMPUR, 5 Jun (Bernama) - KTM Berhad (KTMB), syarikat keretapi nasional, kini meninjau peluang-peluang perniagaan di Kemboja dalam menyiapkan diri ke arah kemungkinan terlaksananya Hubungan Landasan Trans-Asia.

"Pada masa ini, kerajaan-kerajaan yang terlibat di Asean telahpun meneruskan projek rangkaian landasan dari Singapura ke Kunming (China) dengan membentuk beberapa kumpulan kerja dan melantik juru perunding untuk mengkaji kemungkinan kejuruteraan," kata pengurus besar perkhidmatan fret KTMB, Abd Radzak Abd Malek.

Kerajaan-kerajaan Asean juga berusaha mendapatkan negara-negara penderma untuk melabur dalam projek hubungan landasan ini, di mana perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad turut menunjukkan minat mendalam terhadap projek berkenaan.

Baru-baru ini, delegasi Royal Railway, Kemboja telah melawat Malaysia untuk menjalinkan hubungan yang lebih rapat dengan KTMB di samping meninjau operasi-operasi landasan di negara ini.

Abd Radzak berkata, "Cadangan laluan hubungan Trans-Asia mempunyai sambungan yang terputus sepanjang 48km dalam lingkungan Kemboja, iaitu dari bandar sempadan Thai, Aryanprathet ke Sisopon di Kemboja. (Kerajaan Khmer Rouge telah memusnahkan sambungan landasan yang lama antara kedua-dua titik sambungan di kemuncak peperangan sivil).

"Kajian-kajian kejuruteraan telah dilakukan oleh State Railway of Thailand (SRT), yang kini meninjau kemungkinan mendapatkan dana dari negara-negara penderma atau mana-mana institusi kewangan yang berminat untuk membiayai projek berkenaan."

"Memandangkan projek Laluan Trans-Asia akan diteruskan, KTMB tidak mahu kehilangan peluang-peluang yang akan tersingkap apabila tiba masanya. Kami mahu meninjau prospek perniagaan di Kemboja. Kami mesti mempersiapkan diri dari sekarang," kata Abd Radzak.

Sementara itu, pegawai-pegawai landasan Kemboja berminat untuk belajar dari pengalaman Malaysia dalam pengangkutan kargo landasan.

"Mereka berminat untuk memulakan perkhidmatan keretapi sepanjang 240 km antara Phnom Penh ke Pelabuhan Sihannouville," kata beliau.

Menyentuh mengenai kajian kemungkinan kejuruteraan ke atas Laluan Trans-Asia, Abd Radzak berkata juru perunding telahpun mengemukakan laporan mereka kepada SRT dan "perbincangan seterusnya akan diadakan pada peringkat kerajaan-kerajaan Asean."

"Apa yang akan berlaku selanjutnya hanyalah mendapatkan pembiayaan bagi projek itu. Thailand telah diberi tanggungjawab untuk mendapatkan dana."

Kos untuk projek ini tidak diberitahu. Tetapi, untuk bahagian laluan yang "hilang" itu, trek tunggal dianggarkan antara RM30 juta hingga RM50 juta. Kajian-kajian kemungkinan meliputi ujian tanah, susunan landasan, jumlah jambatan dan stesen.

Laluan Trans-Asia membayangkan hubungan landasan untuk kedua-dua penumpang dan kargo dari Singapura, melintasi Malaysia, Thailand, Kemboja, Vietnam, Laos ke Kunming di selatan China.

"Saya begitu yakin yang Landasan Trans Asia akan menjadi satu kenyataan," kata Abd Radzak.

"Keyakinan kami sebahagiannya berdasarkan kepada kejayaan pengalaman kami mewujudkan jambatan darat menyeberangi sempadan Thailand." -- BERNAMA

SC SHY AA

